



## **TEKS UCAPAN**

**NIK NAZMI NIK AHMAD  
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

**MAJLIS PENGANUGERAHAN  
SIJIL *ENERGY MANAGEMENT GOLD STANDARD* (EMGS) DI  
BAWAH ASEAN *ENERGY MANAGEMENT SCHEME* (AEMAS)**

**21 MEI 2024 (SELASA)**

**8.00 MALAM**

**EQ KUALA LUMPUR**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia  
Madani

**[Salutasi]**

**Yang Berbahagia Datuk Dr. Ching Thoo A/L Kim**

Ketua Setiausaha

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES);

**Yang Berbahagia Datuk Nor Yahati binti Awang**

Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam) NRES;

**Yang Berbahagia Dato' Mohamad Razif bin Haji Abd Mubin**

Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga)

Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA);

**Yang Berusaha Ir. Ts. Shamsul Bahar bin Mohd Nor**

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC);

Pegawai-pegawai kanan Kementerian;

Wakil-wakil industri tenaga lestari;

Para penerima sijil *Energy Management Gold Standard* (EMGS);

Tuan-tuan dan puan-puan saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita sama-sama berkumpul pada hari ini bagi mengiktiraf pencapaian organisasi-organisasi yang telah berjaya melaksanakan amalan terbaik dalam pengurusan tenaga melalui pensijilan *Energy Management Gold Standard* (EMGS) di bawah ASEAN Energy Management Scheme (AEMAS).

2. Program AEMAS ini telah bermula sejak tahun 2010 dan merupakan inisiatif yang diterajui oleh ASEAN Centre for Energy (ACE) yang berpusat di Jakarta, Indonesia dalam usaha mengurangkan pelepasan gas rumah kaca (GHG) di rantau ASEAN melalui pengurusan tenaga dengan cekap.
2. Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) merupakan *country coordinator* bagi program AEMAS di Malaysia, yang melaksanakan dua komponen program ini, iaitu program latihan *Energy Manager Training Course* (EMTC) bagi melahirkan Pengurus Tenaga Bertauliah yang diiktiraf di peringkat ASEAN, serta pensijilan EMGS kepada organisasi yang melaksanakan amalan terbaik dalam pengurusan tenaga melalui pelaksanaan Sistem Pengurusan Tenaga Lestari.
3. Saya dimaklumkan bahawa EMGS terdiri daripada tiga peringkat pensijilan yang bermula dengan 1-Bintang, diikuti dengan 2-Bintang dan 3-Bintang. Untuk mencapai pensijilan 1-Bintang, sesebuah organisasi perlu melantik seorang Pengurus Tenaga Bertauliah yang diiktiraf oleh AEMAS dan melaksanakan Sistem Pengurusan Tenaga Lestari berdasarkan tujuh kriteria EMGS yang menekankan aspek pengurusan tenaga iaitu pengurusan, organisasi, proses, informasi, kewangan, tanggungjawab korporat dan pencapaian.
4. Bagi sesebuah organisasi untuk diiktiraf pada peringkat 2-Bintang, organisasi tersebut perlu mengekalkan pencapaian semasa pensijilan 1-Bintang dan juga mencapai salah satu kriteria pencapaian yang ditetapkan EMGS iaitu pengurangan penggunaan tenaga sebanyak 5% berbanding *baseline* yang telah ditetapkan.

5. Bagi pensijilan tertinggi iaitu 3-Bintang pula, organisasi tersebut perlu mengekalkan pencapaian semasa pensijilan 2-Bintang dan menunjukkan peningkatan berterusan dalam kecekapan tenaga, selain mengintegrasikan budaya pengurusan tenaga dalam operasi harian.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

6. Sejak dilancarkan pada tahun 2011, program AEMAS telah memberi sokongan dan dorongan untuk pelaksanaan amalan kelestarian dan kecekapan tenaga melibatkan pelbagai sektor. **Sehingga kini, sebanyak 184 organisasi di seluruh Malaysia telah terlibat dengan pensijilan EMGS.**
7. Saya difahamkan sebanyak 182 organisasi telah mendapat pensijilan 1-Bintang EMGS, diikuti 156 organisasi yang telah berjaya mendapat pensijilan 2-Bintang EMGS, dan 120 organisasi yang telah berjaya mendapat pensijilan 3-Bintang EMGS. Organisasi-organisasi yang terlibat merangkumi pelbagai fasiliti sektor awam dan swasta seperti hospital, makmal kesihatan, klinik, institusi penyelidikan, institusi pendidikan, institusi perbankan, bangunan pejabat dan industri.
8. Organisasi yang terlibat telah melaksanakan pelbagai langkah pemuliharaan dan kecekapan tenaga yang telah menyumbang kepada pengurangan penggunaan tenaga, membantu menjimatkan kos utiliti dari penggunaan tenaga, serta mengurangkan pelepasan gas rumah kaca (GHG) daripada aktiviti penggunaan tenaga.

9. Berdasarkan laporan *Fourth National Communication* (NC4) negara yang dikemukakan kepada United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC), sektor tenaga yang turut merangkumi aktiviti guna tenaga oleh bangunan dan industri (dalam bentuk penggunaan tenaga elektrik dan bahan api industri) menyumbang kepada pelepasan GHG sebanyak 78% tanpa mengambil kira pelepasan dan penyingkiran di bawah sektor *Land Use, Land-use Change and Forestry* (LULUCF).
10. Pengurusan tenaga yang cekap merupakan salah satu tindakan mitigasi perubahan iklim yang penting dan meyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi hijau negara. Justeru, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) bersama-sama kementerian peneraju seperti Kementerian Ekonomi dan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), serta agensi-agensi berkaitan seperti Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA), komited dalam menyokong pelaksanaan program-program pengurusan tenaga yang cekap seumpama ini.
11. Hal ini sejajar dengan sasaran negara yang digariskan dalam Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Negara 2016-2025 (NEEAP), Dasar Tenaga Negara 2022–2040 (DTN) serta Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).
12. Perkembangan ini secara langsung seiring dengan hasil Persidangan ke-28 Pihak-Pihak Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Perubahan Iklim (COP28) di Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada Disember 2023 yang

menggariskan ikrar negara-negara ahli untuk meningkatkan kapasiti tenaga boleh baharu global sebanyak tiga kali ganda dan menggandakan kecekapan tenaga menjelang tahun 2030.

13. International Energy Agency (IEA) turut menyebut bahawa sasaran sifar bersih karbon mustahil untuk dicapai tanpa inisiatif kecekapan tenaga, malah IEA menyeru agar kecekapan tenaga dijadikan 'bahan api' pertama.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

14. Sebagai komitmen Kerajaan dalam menyokong inisiatif kecekapan tenaga yang dilaksanakan oleh organisasi dan pemain industri tempatan, Kerajaan telah melaksanakan beberapa bentuk insentif seperti berikut:

- (i) pertama: Elaun Cukai Pelaburan Hijau (*Green Investment Tax Allowance – GITA*), ke atas pembelian aset-aset berkaitan kecekapan tenaga untuk kegunaan sendiri mulai dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2026; dan
- (ii) kedua: sokongan pembiayaan menerusi Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (*Green Technology Financing Scheme – GTFS*) 4.0 dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM1 bilion. Skim ini turut ditawarkan kepada Syarikat Perkhidmatan Tenaga (*Energy Service Company – ESCO*) yang terlibat dengan projek-projek kecekapan tenaga dan kontrak kecekapan tenaga.

15. Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) juga menyediakan geran bagi pelaksanaan audit tenaga iaitu Program Geran Audit Tenaga Bersyarat (*Energy Audit Conditional Grant – EACG*). Program EACG bertujuan untuk membantu pemilik premis di sektor industri dan komersial melaksanakan audit tenaga melalui kerjasama dengan ESCO bagi mengenal pasti potensi penjimatan tenaga elektrik di premis mereka.
  
16. Sukacita saya ingin memaklumkan bahawa sehingga 30 April 2024, pelaksanaan program EMGS telah berjaya mencatatkan pengurangan penggunaan tenaga elektrik sebanyak **203 Gigawatt Jam setahun** dan pengurangan pelepasan GHG sebanyak **115 kilotan karbon dioksida setara**. Pengurangan penggunaan tenaga elektrik tersebut adalah bersamaan dengan **penjimatan kos sebanyak RM74 juta setahun**.
  
17. Kejayaan ini tidak hanya sekadar ukuran dan angka, bahkan hal ini mencerminkan kerjasama warga organisasi yang terlibat ke arah pengurusan tenaga yang cekap dan kelestarian alam. Angka-angka ini mewakili langkah proaktif ke arah masa depan Malaysia yang lestari, bagi mencapai aspirasi negara pelepasan GHG sifar bersih.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

18. Pada hari ini, saya berbesar hati dapat bersama-sama mengiktiraf pencapaian 107 organisasi yang berjaya mendapat pensijilan EMGS. Jumlah ini merangkumi 8 organisasi yang akan menerima sijil 1-Bintang, 32 organisasi yang akan menerima sijil 2-Bintang dan 67 organisasi yang akan menerima sijil 3-Bintang termasuk

pembaharuan pensijilan 3-Bintang.

19. Pada hari ini, kita juga akan memberikan Anugerah Khas kepada beberapa organisasi yang telah memperoleh pencapaian terbaik dari segi pengurangan penggunaan tenaga, dan beberapa organisasi yang telah memberikan komitmen yang tinggi dalam pelaksanaan program ini di kebanyakan fasiliti mereka.
20. Di kesempatan ini, saya berharap agar lebih banyak organisasi dapat turut serta melaksanakan amalan terbaik dalam pengurusan tenaga melalui pensijilan EMGS. Saya yakin program ini memberikan impak yang besar bukan sahaja kepada pihak organisasi, malah kepada warga kerja dalam memupuk kesedaran dan amalan dalam penggunaan tenaga dengan cekap, selain meningkatkan kompetensi dan rasa tanggungjawab warga kerja untuk menyumbang kepada inisiatif kecekapan tenaga di peringkat organisasi.
21. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada MGTC sebagai *country coordinator* program AEMAS dan syabas sekali lagi saya ucapkan kepada semua penerima sijil EMGS dan Anugerah Khas yang akan diraikan pada hari ini. Mari kita berikan tepukan yang gemuruh kepada 107 penerima sijil EMGS dan 5 penerima Anugerah Khas yang telah menunjukkan pencapaian dan komitmen yang hebat.
22. Dengan ini, saya merasmikan Majlis Penganugerahan Sijil *Energy Management Gold Standard* (EMGS) di bawah *ASEAN Energy Management Scheme* (AEMAS). Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.